

FOKUS

(Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan juga suku Lanoh di Perak'. Kawasan-kawasan yang dihuni oleh kumpulan Negrito ini agak luas kerana melangkaui beberapa negeri. Kelompok Negrito juga pernah dikenali sebagai *Little Negro* (Carey, 1976:14) kerana memiliki raut wajah yang unik dan tersendiri. Mereka seakan-akan iras wajah puak asli di New Guinea. Secara fizikalnya, mereka bertubuh rendah, iaitu kurang lima kaki dan berkulit gelap. Negrito juga memiliki rambut kerinting pendek.

Kumpulan kedua ialah Senoi. Senoi mempunyai suku kaum yang bertebaran di Pantai Timur sehinggalah memasuki kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Suku-suku kaum orang asli daripada kumpulan Senoi ini terdiri daripada Temiar (Perak, Kelantan dan Pahang), Semai (Perak, Pahang dan Selangor), Jah Hut<sup>2</sup> dan Che Wong (Pahang). Semok Berpula terdapat di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Mah Meri terdapat di pesisir pantai negeri Selangor.

Secara fizikalnya, kumpulan Senoi ini agak berbeza penampilannya daripada Negrito. Mereka memiliki kulit yang lebih cerah, rambut yang agak lurus dan tidak kerinting. Kumpulan Senoi juga mempunyai ketinggian yang agak sederhana tetapi lebih tinggi daripada masyarakat Negrito. Keirasan wajah mereka tampak seperti masyarakat Melayu. Raut wajah sebegini pastinya sukar membezakan mereka daripada masyarakat Melayu sekiranya mereka

berada dalam kalangan penduduk berkenaan.

Kelompok atau kumpulan ketiga masyarakat orang asli ialah Melayu-Proto yang memiliki sedikit perbezaan daripada kumpulan Senoi dan Negrito. Kelompok Melayu-Proto dan adakalanya disebut sebagai "Melayu Asli" terdapat di kawasan tengah Semenanjung Malaysia, Pantai Timur dan menganjur jauh ke negeri Johor. Melayu-Proto menunjukkan kelainannya daripada kelompok lain kerana budaya kehidupan mereka menghampiri gaya hidup orang Melayu di kawasan kampung. Melayu-Proto ini juga tidak memiliki bahasa mereka yang khusus kecuali menggunakan bahasa Melayu<sup>3</sup> semasa berinteraksi sesama mereka dan juga berkomunikasi dengan masyarakat luar. Secara fizikalnya, masyarakat ini turut memiliki rupa paras yang seiras dengan orang Melayu kerana berkulit sawo matang dan juga berambut lurus. Mereka tidak menunjukkan citra wajah seperti kelompok Negrito ataupun Senoi tetapi lebih menyerlahkan unsur kemelayuan yang sebenar.

Melayu-Proto mempunyai beberapa suku kecil di bawahnya yang telah berkongsi ciri-ciri yang disebutkan di atas. Suku yang pertama ialah suku Jakun yang mendiami kawasan pedalaman dan hutan di negeri Pahang dan Johor. Suku Temuan pula mendiami negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan juga Johor. Suku Semelai pula ramai di Pahang dan Negeri



Sembilan. Suku Temok di Pahang, manakala Orang Kanak, Laut dan Semendiami kawasan pesisir negeri

**Korpus Cerita Lisan Orang Asli**

Kepelbagaian dan keragaman kecil masyarakat ini pastinya turut memiliki pelbagai khazanah dan kes warisan nenek moyang mereka. Lebih umum lebih sering mengaitkan orang asli dengan tarian *sewang* mereka. Ini dikatakan demikian kerana hampir kesemua acara yang disertai oleh orang asli, sama ada di peringkat kampung daerah, negeri malah peringkat ras pasti *sewang* akan dipersembahkan. Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat umum di luar telah terfikir pandangan akan warisan orang asli yang lain yang tidak kurang hebatnya, antaranya cerita lisan mereka. Cerita lisan orang asli boleh dikatakan agak asing bagi khalayak umum. Cerita ini hanya bertegar dalam kumpalan masyarakat pemilik cerita itu sahaja. Lebih membimbangkan jika tradisi cerita ini hanya diketahui oleh generasi tua sahaja tanpa diambil oleh anak-anak muda orang asli.

Terdapat beberapa usaha telah dilakukan sejak dekad 1950-an untuk mengumpulkan cerita lisan orang asli ini. Ada yang dilakukan oleh pengkaji Barat dan juga tempatan. Sungguhnya demikian, sehingga hari ini, masih belum ditemui satu pengumpulan korpus cerita lisan orang asli yang lengkap merangkumi semua genre legenda,



**CERITA LISAN DAN LIPUR LARA ORANG ASLI**

**KORPUS DAN INTERPRETASI**

Oleh **MOHAMAD LUTHFI ABUL RAHMAN**

ampir semua masyarakat di Nusantara dan di seluruh dunia memiliki warisan cerita lisan mereka yang tersendiri. Ada masyarakat yang berbangga dengan cerita legenda pusaka nenek moyang, ada yang teguh kepercayaan dengan cerita mitos yang diwarisi sejak zaman-berzaman, malah ada juga yang terus bercerita tentang kisah asal usul nama kampung atau daerah mereka yang unik dan istimewa berbanding tempat-tempat lain. Namun demikian, ada juga yang lebih bertuah sekiranya masyarakat mereka pernah memiliki dan mengkaumi seorang penglipur lara yang hebat bercerita. Pengalaman ini turut dikongsi oleh masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia. Mereka juga memiliki warisan cerita-cerita lisan yang tidak kurang hebatnya. Mereka memiliki tokoh legenda tersendiri, makhluk-makhluk aneh dalam cerita mitos, dan juga berbangga dengan tukang cerita yang menghiburkan dalam majlis keramaian tertentu. Makalah ini akan mengupas korpus atau koleksi cerita lisan orang asli yang pernah dikumpulkan

sebelum ini dan juga menginterpretasi cerita lisan tersebut secara terpilih untuk memperlihatkan perkaitan cerita tersebut dengan realiti kehidupan masyarakat orang asli secara khusus dan masyarakat umum secara amnya.

Masyarakat orang asli dipecahkan kepada tiga kumpulan induk utama untuk merujuk keseluruhan suku orang asli yang wujud di Semenanjung Malaysia ini. Hasil daripada pengelasan yang dibuat ini, maka muncullah kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Ketiga-tiga kumpulan ini pula mempunyai sub-suku di bawahnya. Pembahagian yang didasarkan pada rupa fizikal, lokasi dan juga cara hidup ini menjadikan citra mereka lebih terserlah dengan keunikan tersendiri yang dimiliki oleh setiap kumpulan.

Kumpulan Negrito terdiri daripada beberapa suku atau puak orang asli yang bertaburan di Semenanjung Malaysia. Komposisi kehidupan mereka wujud bermula di utara Semenanjung sehinggalah melangkaui Banjaran Titiwangsa ke Kelantan, Terengganu dan Pahang. Secara faktanya, kelompok Negrito terdiri daripada suku Kintak (Peraki), Kensi (Kedah), Jahai (Perak dan Kelantan), Mendrik (Kelantan), Bateq

chu no: 0000 275 421  
AKI 2017 / A08

Arts. Literature - ~~General~~ Performance Art  
M/S 9-19

1 Pecahan suku dan kawasan ini banyak ditonjolkan oleh Carey (1976). Laporan dan data daripada Jabatan Hai Etwai Orang Asli (JHECA) yang kini dikenali sebagai JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) juga turut memetakan penempatan suku-suku ini bersama-sama daerah penempatan mereka.  
2 Isu pembangunan suku Jah Hut turut dikupas secara mendalam oleh Hood Salleh dan Hasan Mat Nor (1984). Kajian mereka melihat sejauh mana pembangunan masyarakat lagi memberikan impak kepada kehidupan suku Jah Hut.  
3 Hakikat ini telah diakui oleh Carey (1976) dan juga hasil tinauan sendiri di perkampungan Jakun di Kuala Rompin, Pahang bahawa mereka fasih bertutur bahasa Melayu sesama mereka. Walau bagaimanapun, mereka tetap menggunakan beberapa istilah yang agak asing bagi masyarakat Melayu dalam pertuturan harian.

mitos, cerita asal usul, puisi rakyat (orang asli), dan sebagainya. Juga masih belum wujud lagi suatu koleksi cerita lisan orang asli yang meliputi dan mewakili kesemua suku dalam ketiga-tiga kelompok masyarakat orang asli yang lengkap. Setakat ini, cerita yang berjaya ditemui ialah hasil kajian para sarjana yang mengkaji cerita lisan orang asli, dan dalam kajian itu mereka memasukkan transkripsi cerita lisan yang dikaji.

Sesuatu yang perlu diambil perhatian ialah cerita lisan orang asli mahupun cerita lisan Melayu kebiasaannya dituturkan oleh penglipur lara dan juga orang tua-tua di kampung. Cerita yang dituturkan oleh penglipur lara, kisahannya lebih panjang, lengkap dengan plot cerita dan watak-watak yang tersusun, manakala cerita yang disampaikan oleh orang tua-tua di kampung lebih pendek dan ringkas. Namun begitu, agak sukar menemui penglipur lara orang asli ini kerana jumlahnya yang sangat terhad dan ramai juga yang sudah meninggal dunia tanpa mempunyai waris yang berkebolehan untuk meneruskan warisan bercerita tersebut.

Antara kajian dan pengumpulan yang telah dilakukan termasuklah cerita lisan suku Jah Hut. Kajian ini dilakukan oleh Duncun Holaday, Chin Woon Ping dan Teoh Boon Seong (2003). Cerita lisan Jah Hut itu diperolehi daripada Batin Long bin Hok dari Pahang. Antara cerita yang berjaya dikumpulkan termasuklah:

1. "Bes Hyang Diney".
2. "Buwayat Hal Usul Yang Mula Sekali" ("The Creation of the World").
3. "Pauh Langgi Beringin Songsang" ("The Mythical Tree").
4. "Bongsu Salleh Layang".

Juli Edo, seorang yang berketurunan orang asli suku Semai. Beliau juga merupakan pensyarah di Universiti Malaya berjawatan profesor madya yang turut mengkaji dan mengumpulkan cerita lisan masyarakat Semai. Dalam bukunya yang bertajuk *Tradisi Lisan Masyarakat Semai* (1990), beliau telah berjaya mengumpulkan cerita Semai seperti yang berikut:

1. "Asal Usul Kejadian Dunia, Manusia dan Penduduk Paling Awal di Malaysia".
2. "Perpecahan Orang Asli dengan Orang Melayu".
3. "Sangkil".
4. "Abu Nawas".
5. "Pak Anjang".
6. "Gergasi Pisanag Hutang Jag Cemenag Mamoq".
7. "Jag Cemenag Rusa dan Hantu Paku".
8. "Pet".
9. "Serengloq".

Hood Salleh (2004) pula telah menyenaraikan beberapa cerita lisan masyarakat Semelai dari Tasik Bera, Pahang. Cerita-cerita ini telah dikumpulkannya sejak tahun 1972. Antara cerita yang beliau senaraikan termasuklah:

1. "Asal Tembeling".
2. "Itang dan Iler: Asal Usul Mati".
3. "Asal Padi".
4. "Itang, Iler dan Harimau Gunung Ledang".
5. "Baginda Alik".
6. "Matlanak".
7. "Itang Iler dengan Hantu Air".

8. "Pohon Kelidang".
9. "Pepanir dan Rengasik".
10. "Pepanir Mengenal Seks".
11. "Pepanir Mula Makan di Rumah".
12. "Pepanir Jerat Rusa".

Shaiful Bahri Md. Radzi (2004) pula telah berjaya mengumpulkan beberapa cerita asal usul nama tempat di daerah Kuala Langat, Selangor. Manakala cerita asal usul ini telah disampaikan oleh Batin Salahudin daripada suku Temuan. Tempat-tempat itu merupakan kawasan yang ada perkampungan orang asli Temuan. Malah, terdapat nama-nama tempat tersebut yang masih kekal sehingga sekarang. Antara cerita asal usulnya termasuklah:

1. "Asal Usul Bukit Changang atau Kubang Beras".
2. "Asal Usul Kuala Serdang".
3. "Asal Usul Dengkil".
4. "Asal Usul Pulau Kempas".
5. "Asal Usul Kampung Pasir".

Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2014) pula telah membukukan kajian dan kisah-kisah orang asli Jakun daripada kumpulan Melayu Proto. Cerita-cerita ini disampaikan sendiri oleh penglipur lara Jakun dari Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, yang bernama Pura bin Taman. Setiap satu ceritanya agak panjang memandangkan beliau boleh dikategorikan sebagai penglipur lara profesional dalam konteks masyarakatnya. Antara cerita yang disampaikan oleh Pura bin Taman termasuklah:

1. "Awang Miskin".
2. "Kambing Buta".
3. "Mamak Batin".
4. "Siti Munjadi".
5. "Puteri Humbut".
6. "Rantai Emas".
7. "Pak Sehalus".

Selain itu, pada tahun 2012-2013, Mohamad Luthfi Abdul Rahman turut mengumpulkan cerita lisan masyarakat

Che Wong dari Kampung Susun dan Kampung Yol, Raub, Pahang. Kajian dan pengumpulan ini dilakukan bertitik tolak daripada pengumpulan yang pernah dilakukan oleh Howell pada tahun 1982. Manakala untuk kajian ini, Mohamad Luthfi telah memperoleh beberapa cerita lisan pendek daripada masyarakat ini:

1. "Pawang Dandu".
2. "Orang Asli dan Kitab".
3. "Si Bongsu" (pernah juga dicatat oleh Howell, tetapi versi cerita yang disampaikan oleh Batin Tah di kampung Sungai Yol, Raub agak berbeza).

Walaupun dari segi korpus pengumpulan cerita lisan orang asli belum lagi lengkap dan menyeluruh, namun usaha-usaha yang telah dilakukan setakat ini masih mampu untuk mengangkat cerita-cerita itu sebagai sumber kajian cerita lisan yang menarik dan unik. Para pengkaji boleh menggunakan koleksi cerita tersebut untuk dianalisis dan dikaji dari pelbagai sudut dan tema. Pelbagai interpretasi boleh dilakukan menerusi cerita-cerita ini, namun konteks sebenar makna penceritaan itu perlulah diketahui dan dikaji terlebih dahulu untuk memastikan interpretasi yang dilakukan itu masih relevan dengan konteksnya yang sebenar.

**Interpretasi Cerita Lisan Jakun dan Che Wong**

Umumnya, cerita yang dipersembahkan oleh orang lama atau penglipur lara bukanlah sebuah kisah yang kering daripada kandungan makna yang bermanfaat, sebaliknya kisah lisan itu mendukung erti sebuah kehidupan masyarakat terencil dan terbiar pada zaman silam. Masyarakat ini dianggap kerdil jika dibandingkan dengan komuniti luar yang lebih bergaya dan berjaya corak hidup mereka. Malah, cerita orang asli ini bakal membongkar keperitan,

kesengsaraan serta pengalaman pahit hidup mereka dengan cara menyelitikan rasa kekerdilannya itu dalam susunan plot cerita lisan yang dipusakai sejak sekian lama. Naratif manusia kerdil ini juga turut membisikkan segala impian, harapan serta keinginan orang asli untuk dipandang hebat, istimewa, di samping dapat meletakkan diri mereka setanding dengan masyarakat umum. Situasi perkaitan antara teks dengan konteks ini terlebih dahulu pernah diakui oleh Alan Dundes (1980:viii) sebagai:

*I am interested in folklore because it represents a people's image of themselves. The image may be distorted but at least the distortion comes from the people, not from some outside observer aimed with a range of priory premises. Folklore as a mirror of culture provides unique raw material for those eager to better understand themselves and others.*

Berdasarkan pandangan Dundes, sastera rakyat sering kali bertindak sebagai cerminan kepada kehidupan masyarakat di persekitaran teks tersebut. Imej-imej manusia akan terjelma dalam karya tersebut, seterusnya khlayak akan mengetahui situasi sebenar yang cuba disampaikan, serta memahami sesuatu kemelut yang sedang melanda masyarakat dalam teks tersebut. Oleh itu, cerita lisan yang disampaikan oleh pencerita mengandungi makna-makna tersirat untuk menceritakan kehidupan sebenar masyarakat orang asli. Hal ini mampu mewakili kehidupan untuk diceritakan kepada umum (Wellek, 1963:94) serta menembusi kehidupan setiap manusia (Laurenson, 1972:12). Teks cerita lisan tersebut berperanan besar untuk membongkar pengalaman perit hidup mereka, mengangkat darjat masyarakat orang asli serta menonjolkan harapan mereka, di samping menampilkan keistimewaan-keistimewaan yang mereka miliki. Hakikat ini menonjolkan bahawa teks cerita lisan orang Jakun

**Hidup Miskin dan Terhimpit**

Berdasarkan cerita lisan bertajuk "Kambing Buta", Pura bin Taman memamerkan imej orang asli sebagai manusia kerdil yang dijelmakan dalam watak-watak dalam cerita tersebut. Kehadiran watak kambing sebagai seekor binatang yang telah buta matanya itu dapat diinterpretasi sebagai simbol kehidupan orang yang tidak berdaya melakukan sesuatu yang lebih baik dan sempurna untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Apatah lagi untuk membebaskan daripada belenggu kemiskinan, seekor binatang yang buta pastinya sukar untuk bergerak mencari makanan, mencari tempat perlindungan atau melindungi diri daripada maut. Ketidakupayaan untuk bergerak akan menjadikan kehidupan seekor manusia atau kelompok masyarakat terbatasi. "Buta" dalam konteks ini dapatlah disimbolkan sebagai orang yang tidak berilmu, tidak berdaya, tidak berkuasa. Frasa yang terdapat dalam teks tersebut ialah "Orang Asli dan Kitab" yang menjadi suatu pantulan hakikat kehidupan daripada cerita lisan disampaikan itu.

Watak seekor kambing yang buta itu juga akan mencerminkan masyarakat orang asli untuk bebanding dengan dunia luar yang seperti bagi mereka. "Gelap" dalam konteks ini kata mereka tidak boleh menukik kesenangan dan kemewahan dunia luar yang sebenarnya. Ekoran



pengalaman perit sejak zaman feudal, darurat, sehinggalah zaman kini, seolah-olah hidup mereka akan statik untuk selama-lamanya. Mereka tidak mampu bergerak sendiri kecuali ada pihak yang benar-benar mampu membawa kelompok ini mengubah keadaan mereka. Contohnya, seperti dalam petikan cerita "Kambing Buta" yang berikut:

Lalu berjalan lagi pelanduk itu hingga ternampak seekor kambing. Kambing itu berjalan ke sana ke mari tak tentu hala. Jadi Awang Pelanduk tadi pandang-pandang tengok. "Eh, nampak kambing. Tapi kenapa dia jalan macam gitu?" Pelanduk hairan juga. Bila pelanduk pergi dekat maka tabulah bahawa butalah mata kambing itu. Bilalah gitu. "Hai kawan," kata pelanduk. "Mengapa awak begini?" tanya pelanduk. "Haili, beginilah saya. Hidup pun susah saya. Mata tak nampak," kata kambing buta.

Watak kambing buta yang ditemui berlegar-legar di padang yang luas tanpa arah tujuan merupakan simbol kehidupan orang asli yang serba kekurangan serta tidak mampu menjana kehidupan untuk perubahan taraf hidup yang lebih baik. Hanya selepas kedatangan pelanduk sahaja kambing buta itu boleh bergerak ke serata negeri di samping boleh mempamerkan keistimewaan yang dimilikinya. Begitu pula dengan senario kehidupan orang asli. Mereka sebenarnya memiliki pelbagai kelebihan dan keistimewaan jika diberikan ruang, peluang dan juga bimbingan. Sebaliknya, catatan Zawawi (1996) menunjukkan, orang asli menjadi mangsa diskriminasi, jauh sekali untuk memperoleh peluang seperti yang dinikmati oleh masyarakat lain. Oleh hal yang demikian, keadaan mereka tidak akan berubah seterusnya akan kekal seperti seekor kambing yang buta di tengah padang yang luas.

#### Semangat Luang

Selain sekadar menggambarkan kemiskinan hidup, penglipur lara dan pencerita mengangkat semula martabat

diri masyarakat orang asli apabila turut mempamerkan keistimewaan dan kehebatan yang dimiliki oleh orang asli dalam kandungan cerita."Umpama aliran pascakolonial cuba menentang wacana kolonial yang selama ini memandang rendah kepada anak watan tanah jajahan, pencerita juga menonjolkan semula kehebatan orang asli "dahulu" yang tidak pernah dipedulikan selama ini. "Kambing Buta" dan "Awang Miskin" mengandungi lakaran-lakaran imej orang asli yang bijak, tahan lasak, mampu menyelesaikan masalah dengan berjaya, malah turut menjadi orang harapan kepada masyarakat luar untuk menyempurnakan sesuatu tugas yang tidak mampu dilaksanakan oleh orang luar.

Lanjutan daripada pengalaman hidup yang terhimpit dan tertekan, masyarakat orang asli sebenarnya ingin membuktikan mereka masih mampu bertahan dengan keperitan hidup mereka. Sungguhpun mereka pernah menjadi hamba abdi sehingga membawa kematian, terbunuh dan tercedera semasa darurat, malah terpinggir daripada kemodenan semasa, manusia kerdil ini masih terus wujud dalam kelompok dan suku kaum masing-masing sehingga sekarang. Hanya ketahanan fizikal dan mental sahaja yang mampu menjamin kelangsungan hidup orang asli dalam persekitaran mereka.

Berteraskan kisah "Kambing Buta" dan "Awang Miskin", penglipur lara Jakun menceritakan dan memaparkan contoh-contoh watak yang memiliki daya ketahanan diri yang tinggi. Melalui perincian watak dan peristiwa yang berlaku, pencerita berusaha untuk menonjolkan kepada khalayak bahawa masyarakat yang diwakilinya ialah sebuah masyarakat yang kental, tahan lasak serta mampu berhadapan dengan apa-apa sahaja masalah yang melanda mereka. Garapan cerita yang

dipersembahkan oleh Pura Taman tersebut bakal menjadi sebuah jawapan kepada persoalan tentang betapa kuatnya orang asli bertahan untuk terus hidup dalam suasana zaman yang semakin mencabar.

Kisah "Awang Miskin" memberikan suatu bentuk paparan tentang orang asli yang mampu berhadapan dengan masalah yang berat. Dalam kisah ini, watak hero Awang Miskin mampu membebaskan seorang anak raja yang telah ditangkap oleh seorang saudagar kaya selepas kalah menyabung ayam. Awang Miskin menghadapi kesusahan untuk membebaskan anak raja itu kerana dia terlebih dahulu perlu memenuhi harapan puteri raja untuk mendapatkan seekor ikan patung yang bersisik emas. Walaupun sudah ramai panglima raja yang telah mencuba nasib untuk mendapatkannya, tetapi semuanya menemui kegagalan. Hanya melalui kehebatan dan kepandaian ilmu Awang Miskin sahaja yang mampu mendapatkannya. Seterusnya, sebagai balasan atas kejayaan itu, Awang Miskin hanya meminta supaya anak raja itu dibebaskan daripada tahanan saudagar tersebut.

Episod kisah ini memberi pengertian, dalam keadaan yang terdesak sekalipun, watak orang asli itu masih mampu mengatasinya. Keadaan pada masa itu telah mengakibatkan anak raja yang ditangkap itu hanya pasrah pada nasib sahaja. Penglipur lara tidak menunjukkan sebarang usaha yang dilakukan oleh anak raja itu untuk melepaskan dirinya daripada kurungan itu. Penglipur lara Jakun juga tidak menceritakan adanya kuasa ajaib yang digunakan oleh anak raja itu untuk mengatasi saudagar berkenaan. Hakikatnya, pencerita ingin menunjukkan bahawa darjat seseorang belum mencukupi untuk berhadapan dengan masalah yang berat. Seterusnya,

hanya watak Awang Miskin sahaja yang mampu menyelamatkan keadaan dengan menggunakan segala kepandaian yang dimilikinya. Awang Miskin diperlihatkan sebagai seorang yang berani berhadapan dengan kenyataan sungguhpun dia mungkin akan menerima hukuman daripada saudagar jika permintaan puteri raja itu gagal dipenuhi oleh Awang Miskin. Sememangnya, keberanian dan kecekalan Awang Miskin sahaja yang telah menyelamatkan segala-galanya.

Situasi yang dialami oleh Awang Miskin itu telah mengimbau kembali kenangan khalayak terhadap pengalaman getir yang dilalui oleh orang asli. Sungguhpun sebahagian besar daripada mereka masih menghidu di dalam hutan dengan kemudahan yang sangat minimum, mereka masih mampu hidup dengan selesa dan sempurna mengikut pemahaman mereka. Mereka reda dengan cara hidup mereka daripada dahulu sehingga hari ini. Malah, dalam wawancara dengan beberapa penghuni Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, mereka juga mendakwa bahawa sungguhpun kemiskinan melanda hidup mereka tetapi tidak ada yang pernah mati kebuluran. Menurut Khalid bin Pura<sup>4</sup>, beliau belum pernah sekalipun membeli ikan di pasar kerana telah menjadi rutin hidupnya sejak dahulu untuk menangkap sendiri ikan sebagai lauk-pauk untuknya sekeluarga. Pengalaman pemuda Jakun itu menunjukkan bahawa mereka sentiasa mencari alternatif untuk hidup kerana kemiskinan yang menghambat hidup mereka.

#### Cerita Lisan Orang Asli sebagai Saranan Penyelesaian Konflik

Selain interpretasi realiti hidup dan semangat juang orang asli dalam

cerita lisan mereka, pelbagai isu turut termuat dalam cerita-cerita tersebut. Pencerita menggambarkan wujudnya konflik antara watak wira dengan raja yang zalim, konflik antara raja di sebuah negeri dengan raja dari negeri yang lain, dan sebagainya. Namun begitu, yang menjadikan cerita lisan ini unik adalah apabila pencerita turut memasukkan cara penyelesaian konflik tersebut dalam ceritanya. Hal ini merupakan suatu bentuk pengajaran kepada khalayak pendengarnya. Ada pelbagai kaedah telah digunakan oleh watak-watak dalam cerita lisan Che Wong dan Jakun untuk mengelakkan konflik dan juga menamatkannya daripada terus berpanjangan.


Secara teorinya, K. I. Lim Deane (2005) telah mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian konflik. Antaranya termasuk mengelak (*avoid*), yang membawa pengertian bahawa sesuatu konflik itu boleh dielakkan jika pada peringkat awal lagi telah dijauhkan. Maknanya, pihak yang terlibat tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan konflik. Yang kedua adalah dengan cara berdepan dengan konflik tersebut (*confront*). Pihak-pihak yang terlibat akan terus bersemuka dan terus mempertahankan pendirian masing-masing tanpa sebarang tanda untuk beralah. Kaedah mempertahankan diri (*defend*) juga berkaitan dengan kaedah sebelumnya (yakni mengelak daripada konflik), kerana cara yang digunakan mungkin melibatkan kekerasan dan menghampiri pergaduhan atau peperangan. Namun begitu, Deane turut cadangkan kaedah tangguh (*delay*) dan abai (*ignore*). Kedua-dua kaedah ini mampu mengelakkan konflik itu menjadi lebih buruk sehingga membawa kepada bencana.

Kenneth Thomas dan Ralph Kilmann (1970) pula mengetengahkan beberapa saranan penyelesaian

konflik ini. Cadangannya hari dengan pandangan Deane. Keseluruhannya, saranan itu terbahagi kepada dua, sama menyelesaikan konflik secara ataupun terpaksa ditamatkan lebih agresif. Oleh sebab itu dan Kilmann mencadangkan bersaing, berusaha sama, bertolak ansur dan mengelak ini dirasakan agak langkah merangkumi cara penyelesaian. Ada juga cara keras pada bentuk dan tahap konflik. Huraian ini hampir selari dengan Foad Sakdan (2005) yang mencadangkan penyelesaian beberapa kelompok besar, kaedah neutralisasi, penyelesaian pembentukan semula utilis beberapa kaedah lagi. Misi kaedah neutralisasi, tujuan untuk menjadikan pihak lain lumpuh atau menghalang terus berjuang menegakkan agendanya. Menerusi kaedah yang akan digunakan ialah kompromi, pemendam, juga membawa masuk ke (sebagai perunding atau p. Berdasarkan kerangka ini, dapatlah dikatakan penyelesaian konflik itu merangkumi penyelesaian yang diploma ansur dan juga kaedah yang Tujuannya hanyalah untuk

4

Khalid bin Pura merupakan anak Pura bin Taman yang boleh dikatakan mengamalkan hidup sederhana secara sederhana.



menamatkan konflik tersebut daripada berpanjangan. Kaedah kaedah penyelesaian konflik inilah yang ingin diperlihatkan dalam cerita lisan orang asli.

**Penyelesaian Konflik Secara Diplomasi dalam Cerita Lisan Jakun dan Che Wong**

Berdasarkan cerita lisan Jakun yang bertajuk "Pak Sehalus", digambarkan ada satu konflik antara watak Pak Sehalus dengan seorang raja yang ingin merampas isteri Pak Sehalus yang cantik. Dalam hal ini, sang raja ingin menggunakan kuasanya ke atas seseorang yang lemah dan tidak berkuasa.

Pada waktu itu, raja sudah mula memasam niat jahat untuk merampas anak raja itu daripada Pak Sehalus. Raja pun sudah sanggup untuk membunuh Pak Sehalus semata-mata untuk mendapatkan anak raja yang cantik itu. "Kalau saya dah bunuh dia, barulah dapat saya kahwin dengan perempuan itu," kata raja itu di hadapan isterinya. Isterinya hanya diam dan tak boleh membantah apa sahaja kehendak raja itu.

("Pak Sehalus")

Pak Sehalus sebenarnya sudah tahu niat jahat raja tersebut. Namun, Pak Sehalus telah mengambil sikap tidak melawan dan cuba mengelak (*avoid*) supaya keadaan tidak menjadi lebih parah dan kelam-kabut. Pencerita menggambarkan konflik ini menjadi semakin genting apabila raja mula merancang pembunuhan Pak Sehalus. Raja mengarahkan supaya Pak Sehalus pergi ke beberapa tempat seperti negeri yang diperintah oleh harimau, negeri yang penuh dengan pedang yang boleh memancung sendiri, dan beberapa tempat lain. Tujuannya supaya Pak Sehalus terbunuh di negeri tersebut.

Sampai sahaja di istana, raja meminta pula Pak Sehalus mencari "Pedang Pancung Sendiri" yang dikatakan ada di pusat laut. "Saya mahu Pak Sehalus bawa pedang itu ke sini. Saya nak tengok macam mana rupanya pedang yang pandai pancung sendiri itu. Saya nak tengok sekejap saja, lepas itu awak hantar balik ke tempatnya," kata raja itu. "Dengan titah perintah tuanku, saya tetap setia menurut arahan itu," jawab Pak Sehalus. Pak Sehalus bersungguh, "Ini kerja matil! Bagaimana aku nak ke pusat laut. Kapal tak ada, apa satu pun tak ada. Itu bukan tempat untuk orang lalu-lalangnya," kata Pak Sehalus dalam hatinya. Pak Sehalus pun berjalan balik ke rumahnya. Pak Sehalus tak boleh tidur malam itu.

("Pak Sehalus")

Petikan ini jelas menunjukkan niat jahat seorang yang berkuasa untuk menganiaya seorang hamba rakyat. Pak Sehalus digambarkan hanya menurut sahaja walaupun sedar akan bahaya yang menantinya di sana. Gambaran tentang rasa berat hati Pak Sehalus itu juga membuktikan bahawa Pak Sehalus sememangnya cuba mengelak konfliknya dengan raja

itu menjadi bertambah keruh. Dalam konteks ini, Pak Sehalus dilihat masih cuba berkompromi dan bersabar dengan segala tindak-tanduk raja terhadapnya walaupun dalam cerita ini, pencerita menggambarkan watak Pak Sehalus memiliki kuasa sakti, yakni mampu berkomunikasi dengan segala binatang buas dan mampu berbicara dengan segala peralatan yang bahaya. Thomas dan Kilmann (1970) menggambarkan kaedah ini sebagai berkompromi dan mengelak. Hinggalah pada akhir cerita, Pak Sehalus langsung tidak melawan dengan raja, tetapi raja itu mati akibat termasuk dalam perangkap yang dipasangnya sendiri untuk membunuh Pak Sehalus.

Kaedah penyelesaian konflik yang lembut juga ditampikan dalam cerita "Pawang Dandu" yang dituturkan oleh masyarakat Che Wong. Sekali lagi, kaedah mengelak telah digunakan daripada menghadapi konflik yang lebih besar. Kaedah ini digunakan oleh Pawang Dandu sebagai seorang bomoh orang asli untuk mengelak daripada berkonflik dengan bomoh-bomoh Melayu yang ingin mencabar kebolehanya. Menurut pencerita, Pawang Dandu terpaksa mengalah kerana tidak mahu mainan sibir sesama bomoh tersebut akan memudaratkan masyarakat di perkampungan tersebut. Oleh sebab itu, Pawang Dandu mengambil keputusan mengundur diri, tidak melayan cabaran dan menjadikan kampung tersebut tersembunyi daripada pandangan orang luar. Hal ini merupakan satu contoh yang menarik kerana ditampikan satu tindakan mengelak yang berkesan dan digabungkan pula dengan kebolehan tersendiri untuk memastikan konflik tersebut terus tamat tanpa berpanjangan. Sesuai dengan pandangan Thomas dan Kilmann (1970) bahawa:

*The avoiding option is at the bottom left of the model which means you take an unassertive and unco-operative approach to the conflict and don't deal with it. Avoiding might take the form of diplomatically sidestepping an issue, postponing an issue until a better time, or simply withdrawing from a threatening situation.*

Kaedah ini juga turut kelihatan dalam cerita "Dua Beradik dan Kitab" yang diceritakan oleh Meriah dan Noriah daripada suku kaum Che Wong. Semasa awal penceritaan lagi, kelihatannya telah wujud konflik secara tidak langsung apabila diceritakan ada dua adik-beradik yang mengetahui satu pelayaran. Seolah-olah memberi konotasi "satu kapal dua nakhoda" dan akhirnya kapal itu telah karam. Kedua-dua adik-beradik ini juga kelihatannya mementingkan diri masing-masing apabila hanya seorang sahaja daripada mereka berjaya menyelamatkan kitab yang mereka miliki, manakala seorang lagi telah kehilangan kitab tersebut. Walaupun situasi konflik tersebut berpotensi menjadi bertambah buruk selepas

kejadian itu, namun kelihatannya tidak sedemikian. Mereka telah mengambil keputusan untuk membawa haluan masing-masing yang berkemungkinan sebagai salah satu cara untuk mereka mengelak daripada terus berlaku ketidaksefahaman antara mereka. Sungguhpun salah satu kumpulan tersebut (nakhoda dan anak buahnya) hidup dalam keadaan sukar selepas berpecah itu, tetapi sekurang-kurangnya nakhoda itu dapat mengelak berlakunya sebarang pergaduhan antara dua kumpulan tersebut jika mereka terus hidup bersama.

Selain itu, kaedah perundingan dan berkompromi juga boleh digunakan dalam menyelesaikan sesuatu konflik. Mohd. Foad Sakdan (2005: 214) menyebut "kompromi bermakna membawa pihak yang terlibat berusaha untuk mencapai atau memenuhi sesetengah daripada tuntutan dan saling bertukar konsesi". Maksud ini hampir menyamai satu situasi dalam cerita Jakun, "Awang Miskin". Dalam kisah itu, seorang anak raja telah menjadi tawanan seorang saudagar kaya kerana anak raja itu telah kalah dalam mainan sabung ayam. Awang Miskin yang merupakan sahabat anak raja tersebut berusaha untuk menyelamatkan sahabatnya itu. Secara kebetulan, anak gadis saudagar itu sangat inginkan sejenis ikan yang aneh yang disebut ikan patung bersisik emas. Kesemua hulubalang dan panglima yang dikerah mencarinya telah gagal. Awang Miskin yang memiliki kuasa sakti telah berjaya mendapatkan ikan tersebut. Akhirnya, Awang Miskin telah memberikan syarat kepada saudagar itu bahawa dia akan memberikan ikan tersebut, tetapi saudagar kaya itu mesti membebaskan anak raja yang ditawan itu. Akibat tiada pilihan, akhirnya saudagar itu terpaksa juga bertolak ansur. Mohd. Foad turut menjelaskan bahawa walaupun proses ini satu bentuk kompromi,

tetapi tetap menyelitkan sedikit unsur paksaan secara tidak langsung. Hal ini diperlihatkan dalam situasi Awang Miskin dan saudagar tersebut. Awang Miskin yang tahu bahawa saudagar itu sangat terdesak memenuhi impian anak gadisnya untuk mendapatkan ikan tersebut telah mengambil kesempatan atas situasi tersebut. Akhirnya, saudagar itu terpaksa juga membebaskan anak raja yang ditawannya itu sebagai pertukaran. Namun demikian, kaedah penyelesaian ini masih boleh dianggap kaedah yang lembut kerana tidak berlaku sebarang pergaduhan atau pertumpahan darah semasa Awang Miskin menyelamatkan sahabatnya itu.

**Penyelesaian Konflik Secara Kekerasan dalam Cerita Jakun dan Che Wong**

Selain penyelesaian secara diplomasi, perbincangan dan kompromi, adakalanya konflik terpaksa diselesaikan secara paksa, konfrontasi dan persaingan untuk menegakkan pendirian dan prinsip masing-masing. Mohd. Foad (2005) menggunakan istilah "paksaan" dan "konfrontasi" untuk penyelesaian secara agak keras. Manakala, Thomas dan Killman (1970) pula menggariskan istilah seperti *competing*. Deane (2005) pula menggunakan istilah *confront* dan *defend* untuk menggambarkan penyelesaian yang agak agresif. Malah, terdapat juga sarjana yang menggambarkan kaedah yang agak keras ini sebagai "dominasi", yakni satu pihak perlu mendominasi pihak lain yang berkonflik dengannya supaya sesuatu hasrat atau pendirian pihak yang mendominasi itu dapat ditegakkan.

Kaedah-kaedah yang dicadangkan ini sebenarnya turut kelihatan dalam cerita-cerita lisan orang asli. Paling nyata dalam cerita "Si Bongsu". Watak Si Bongsu jelas menggunakan kaedah pertahanan untuk menamatkan konflik dengan orang Batak. Si Bongsu terpaksa

bertempur dan membunuh ora Batak yang ingin menculik anal muda orang asli. Si Bongsu terj mendominasi keadaan tersebut konflik itu dapat ditamatkan di segera dan orang asli terselam Menurut Batin Tah di Raub, Pal keberanian dan tindakan itu lah menyebabkan Si Bongsu itu ter dan namanya masih disebut-se masyarakat Che Wong di Raub hari ini.

Cerita lisan Jakun yang bi "Siti Munjadi" pula menggamb kaedah penyelesaian yang agai melibatkan cabar-mencabar da pertarungan di gelanggang:

"likalau betul bijak laksana aw membela puteri yang cantik-cu bijak-bijak. Bukan sahaja dalam marilah beradu di tangan gelan anak Raja Sinar di Awan. Terkej Helang Mengantuk kerana buka dia melakukan kesalahan. Tidak merobut tunang sesiapa jua. Ta juga sudah sampai hukum bilal Raja Helang Mengantuk itu. Hen hendak, terpaksa turun anak Mengantuk itu ke tangan gelan. Bila sudah bersiap pakai Helang Mengantuk itu maka sei di tingkap panjang untuk melih alamat apa sahaja sama ada ya yang buruk. Apa yang ada dalam dalam gerak anak Raja Helang 'a itu, negeri Telok Limau Manis 'a padang jarak padang lekukur."

Tindakan anak Raja Sinar Awan ingin merampas permais negeri anak Raja Helang Meng; telah mencetuskan konflik yang Keinginan yang meluap-luap pi satu pihak telah bertembung d hasrat mempertahankan kelua negeri pada pihak yang lain. Al pencerita menunjukkan anak F Di Awan telah berjaya mendon negeri anak Raja Helang Meng; dan membunuh semua rakyat tersebut. Penyelesaian secara ini akhirnya telah mengundang



kematian, rampasan kuasa dan juga akan menimbulkan dendam yang berpanjangan.

Kisah ini sekali lagi menampilkan penyelesaian konflik yang keras apabila muncul satu watak yang bernama Siti Munjadi. Siti Munjadi ialah anak Raja Helang Mengantuk. Watak ini sebenarnya satu-satunya watak yang terselamat semasa anak Raja Sinar Di Awan menyerang negeri Teluk Limau Manis yang diperintah oleh anak Raja Helang Mengantuk suatu masa lalu. Dia telah bersembunyi dalam satu lubang semasa serangan itu. Ketika itu, Siti Munjadi masih kecil. Pencerita mengisahkan Siti Munjadi ini telah keluar mengembara dan telah berkahwin. Dia telah berkahwin dengan seorang puteri bernama Tuan Puteri Intan Terpayung. Mereka hidup aman bahagia sehinggalah negeri mereka mula diganggu oleh anak Raja Batu Keramat. Dia telah memfithnah Siti Munjadi merampas tunangannya. Konflik itu berpanjangan dan akhirnya membawa pertempuran yang hebat. Bertlak persaingan antara Siti Munjadi dengan anak Raja Batu Keramat. Anak Raja Batu Keramat terpaksa dikalahkan dan ditundukkan terlebih dahulu supaya Siti Munjadi dapat mempertahankan maruahnya dan negeri baharunya daripada dirampas. Pola konflik dan penyelesaian yang sama telah

berulang tetapi kali ini dimenangi oleh pihak yang baik.

Kesimpulannya, cerita lisan orang asli, sama ada yang dituturkan oleh generasi tua mereka ataupun yang dituturkan oleh seorang pencerita yang mahir sememangnya mempunyai suatu interpretasi yang sangat menarik dan bermakna untuk dihayati oleh khalayak pendengar dan pembaca. Cerita-cerita tersebut mampu memberikan gambaran realiti hidup mereka dan juga dapat dijadikan iktibar kepada masyarakat umum. Selain itu, cerita-cerita itu juga turut membuktikan bahawa khazanah cerita lisan orang asli bukanlah sekadar cerita untuk hiburan semata-mata, sebaliknya tersirat pelbagai makna di samping membuktikan masyarakat ini juga sangat halus dan kreatif mencipta dan menyampaikan cerita kepada susur generasinya. Semoga usaha pengumpulan korpus cerita lisan orang asli akan berterusan, seterusnya kekal terpuhara untuk generasi mereka yang akan datang. ■

**RUJUKAN**

Carey, Iskandar, 1976. *Orang Asli the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. New York: Oxford University Press.  
 Deane, K.I. Lim, 2005. "The Principle of Conflict Management" dlm. *LamSquare Consultant*, 13 Februari 2012, http://www.lamsquare.com/article.  
 Deutch, Morton dan Coleman, Peter T., 2000. *The Handbook of Conflict Resolution*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.  
 Dundes, Alan, 1980. *Interpreting Folklore*. Bloomington: Indiana University Press.  
 Holaday, Duncan, Chin Woon Ping dan Teoh Boon Seong, 2003. *Bes Hyang Dnye and Other Jah Hut Stories*. Subang Jaya: Centre for Orang Asli Concern.  
 Hood Saileh dan Hasan Mat Noor, 1984. *Roads are Development? Some Aspects of Jah Hut Social Changes*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.  
 Hood Saileh, 2004. "Cenenman: Mitos dan Legenda Semelai Tasik Bera" dlm. *Prosiding Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli*. Bangi: Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 94-98.

Howell, Signe, 1982. *Che Wong Myth and Legends*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.  
 Jamilah Hani Esa, 2010. "Teks dan Konteks Budaya Masyarakat Desa dalam Cerita-cerita Lisan Terpilih Negeri Perak", Disertasi Sarjana Mod Campuran. Universiti Sains Malaysia.  
 Juli Edo, 1990. *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Bangi: Penerbit UKM  
 Laursen, Diana, 1972. *The Sociology of Literature*. New York: Shocken Books.  
 Mohamad Luthfi Abdul Rahman, 2008. "Pura Taman: Antara Dalam dan Pencanta" Tesis Doktor Falsafah Kesusasteraan Tradisional-Lisan. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 Mohamad Luthfi Abdul Rahman, 2014. *Pura Taman: Warisan Penglipur Lara Jakun*. Bangi: Penerbit UKM.  
 Mohd. Foad Sakdan, 2005. *Pengurusan Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Mustafa Mohd. Isa, 1987. *Awang Belanga. Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Othman Puteh dan Arpin Said, 1995. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.  
 Shaiful Bahri Md. Radzi, 2004. "Bagaikan Lilin Membakar Diri: Temuan dan Penamaan Tempat di Selangor" dlm. *Prosiding Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli*. Bangi: Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 9-18.  
 Thomas, Kenneth dan Kilmann, Ralph, 1970. "Understanding the Theory: Conflict Styles" dlm. *Mind Tools: Essential Skills for an Excellent Career*, 17 Ogos 2012, http://www.mindtools.com.  
 Wellek, Rene, 1963. *The Theory of Literature*. Middlesex: Penguin Books.  
 Zawawi Ibrahim (peny.), 1996. *Kami Bukan Anti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

**INFORMAN/  
PENUTUR CERITA**

Wawancara secara rakaman antara penulis dengan Sdr. Meriah (57 tahun) dan Sdr. Nonah (60 tahun) di Kampung Susup, Raub, Pahang (perkampungan orang asli Che Wong) pada 2 Mei 2012.  
 Wawancara secara rakaman antara penulis dengan Sdr. Batin Tah (59 tahun) di Kampung Sungai Yoi, Raub, Pahang pada 1 Ogos 2013.  
 Wawancara secara rakaman antara penulis dengan Sdr. Pura bin Taman (76 tahun) di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang pada tahun 2004, 2006 dan 2011.

**Sinopsis Cerita Lisan Jakun**

**Cerita "Awang Miskin"**



Cerita mengisahkan Awang Miskin yang tinggal bersama-sama emaknya di dalam sebuah negeri. Kehidupan mereka dua beranak daif sekali. Mereka hanya mendiami sebuah pondok buruk di hujung negeri. Awang Miskin seorang yang sangat pemalas. Hanya ibunya sahaja yang bekerja untuk menampung kehidupan mereka berdua. Walau bagaimanapun, Awang Miskin mempunyai hubungan yang baik dengan seorang putera raja negeri itu. Mereka telah mengembara bersama dan sepanjang masa itu telah terpancar sikap baik hati Awang Miskin dan anak raja yang mengengas budi. Kepandaian Awang Miskin telah berjaya mengelakkan pelbagai bencana. Beliau akhirnya berkahwin dengan adinda anak raja tersebut.

Penutur:  
Pura bin Taman, Kuala Rompin, Pahang

**Cerita "Siti Munjadi"**

Cerita lisan ini sarat dengan deskripsi kecantikan wira dan wirawati sehingga membuatkan khalayak yang mendengarnya rasa terpegun serta terpesona. Cerita dimulakan dengan gambaran sebuah negeri yang cantik, indah serta aman damai. Anak Raja Helang Mengantuk dan Puteri Mayang Mengurai yang memerintah negeri itu telah mendapat seorang putera raja yang sangat cantik. Namun, kegembiraan pasangan itu tidak kekal lama kerana anak Raja Sinar Di Awan telah menyerang dan memusnahkan negeri itu semata-mata untuk merampas Tuan Puteri Mayang Mengurai. Kisah ini juga banyak memaparkan adegan peperangan dan penderitaan yang ditanggung oleh watak utama sehingga memberikan kesan emosi kepada khalayak yang mendengarnya.

Penutur:  
Pura bin Taman, Kuala Rompin, Pahang

**Cerita "Tuan Puteri Intan Terpayung"**

Kisah ini bermula dengan seekor pelanduk yang melarikan diri dan dimakan seekor harimau yang ganas. Dalam pengembaraannya, pelanduk telah terjumpa seekor kambing buta kedua-dua matanya di sebuah padang luas. Pelanduk akhirnya bersahabat dengan kambing buta. Pelanduk itu bukanlah seekor pelanduk biasa kerana pelanduk itu berbulu emas. Pelanduk dan kambing buta mulalah mengembara bersama-sama. Sepanjang perjalanan itu pelanduk menunggang di atas belakang kambing buta itu. Pelanduklah yang mengembara ke mana arah yang patut dituju. Berbagai kejadian berlaku sepanjang perjalanan itu. Sepanjang pengembaraan itu, kambing buta didedahkan dengan pelbagai peristiwa manusia yang mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain dan juga amalan penindasan yang dilakukan pihak yang lebih berkuasa.

Pura bin Taman, Kuala Rompin, Pahang

**Cerita "Pak Sehalus"**

Cerita mengisahkan watak Pak Sehalus yang tinggal di sebuah kampung. Dia seorang yang pemalas dan sering dimarahi dan dipukul oleh isterinya kerana sikap buruknya itu. Pak Sehalus seorang yang mudah simpati, oleh itu dia sentiasa melepaskan binatang dan ikan yang berjaya ditangkapnya. Pak Sehalus yang bodoh cerdik itu juga banyak melakukan perkara yang lucu dan merugikan mereka. Raja yang mengetahui Pak Sehalus tinggal bersama-sama puteri raja yang cantik itu telah mengatur rancangan untuk membunuh Pak Sehalus. Raja mengarahkan Pak Sehalus melakukan perkara-perkara yang bahaya. Namun, semua arahan itu akhirnya memberikan kesan buruk pula kepada raja dan seluruh negerinya. Pak Sehalus tetap berjaya. Akhirnya raja dan menteri mati akibat termasuk perangkap sendiri yang dibuat untuk membunuh Pak Sehalus. Pak Sehalus akhirnya berkahwin dengan puteri kayangan.

Penutur:  
Pura bin Taman, Kuala Rompin, Pahang

Makalah ini dibentangkan pada Seminar Sastera Pelbagai Kaum di Dewan Kuliah Utama, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur pada 9 Mei 2016.

## Sinopsis Cerita Lisan Che Wong

## Cerita "Dua Beradik dan Kitab"



Noriah



Meriah

Suatu masa dahulu, ada dua beradik telah mengetahui satu pelayaran dengan sebuah kapal. Dalam kapal itu ada lebih kurang dua ratus orang. Mereka juga membawa dua buah kitab dalam kapal tersebut. Kitab itu dikatakan sebagai panduan kehidupan

mereka. Tiba-tiba kapal tersebut karam. Habis barang-barang yang dibawa telah hanyut dan musnah. Cuma kitab yang dimiliki oleh si abang sahaja yang terselamat. Kitab kepunyaan si adik telah musnah semuanya. Mereka telah terdampar di satu tempat. Cuma kitab mula berkonflik untuk mengikut arah mana untuk menyelamatkan diri. Mereka mengambil keputusan untuk tidak bergaduh, tetapi sekadar membawa diri masing-masing. Si abang yang masih memegang kitab tersebut telah mengambil keputusan untuk pergi ke satu arah bersama seratus orang yang lain. Si adik pula mahu bergerak ke arah lain pula bersama seratus orang lagi. Dikatakan si abang dan seratus orang itu telah memeluk Islam kerana mereka ada panduan kitab yang terselamat itu. Manakala, kumpulan si adik itu pula tidak memeluk Islam. Kumpulan si adik akhirnya hidup dan tinggal di merata tempat di dalam kawasan pedalaman dan hutan, manakala kumpulan si abang yang lebih banyak mendapat bimbingan telah hidup di kawasan yang lebih baik. Itulah yang dikatakan sebagai satu kelompok orang Melayu dan satu kelompok orang asli.

Penutur: Noriah dan Meriah,  
Kampung Susup, Raub, Pahang

## Cerita "Pawang Dandu"

Dahulunya di Kampung Susup di dalam daerah Raub, Pahang, pernah tinggal seorang tua yang bernama Dandu. Beliau pandai bermain biola dan sering menghiburkan kanak-kanak di kampung berkenaan. Di sebalik jiwa seni itu, Dandu juga merupakan seorang bomoh yang handal. Beliau banyak membantu mengubati orang-orang asli Che Wong yang sakit. Malah, orang Melayu di kampung berhampiran juga ada yang datang meminta bantuan daripada Pawang Dandu berkaitan penyakit-penyakit dan gangguan yang dikaitkan dengan makhluk halus. Namun, kebolehan dan kebaikan Pawang Dandu itu tidak disenangi oleh beberapa bomoh Melayu. Bomoh-bomoh tersebut mula mengganggu dan mencabar ilmu dengan Pawang Dandu secara ghaib. Pawang Dandu sering diganggu sihir ketika tidur pada waktu malam dan terasa seperti ada sesuatu yang berat menindih badannya. Lama-kelamaan, Pawang Dandu mengambil keputusan untuk tidak melawan balik, tetapi beliau "memagar" seluruh kampungnya. Kampung itu seolah-olah menyusup daripada pandangan mata orang luar. Itulah juga asal nama kampung itu, iaitu Kampung Susup.

Penutur: Noriah dan Meriah,  
Kampung Susup, Raub, Pahang

## Cerita "Si Bongsu"



Kisah tentang seorang anak orang asli Che Wong yang dikatakan mempunyai kekuatan yang istimewa. Bongsu seorang yang berani

melawan sesiapa sahaja yang cuba mengganggu masyarakatnya. Dia anak bongsu dalam keluarganya, dan anak yang bongsu dianggap istimewa dan memiliki kelainan daripada ahli keluarga yang lain. Diceritakan bahawa satu masa dulu, orang Batak pernah memasuki kampung orang asli untuk mengambil anak-anak muda orang asli untuk dijadikan hamba. Mereka dikerah untuk melakukan pelbagai kerja tanpa dibayar upah. Maka, berlakulah pergaduhan antara orang Che Wong dengan orang Batak tersebut. Walau bagaimanapun, mereka sering kalah. Namun, apabila Si Bongsu mula bertindak balas dan membunuh orang Batak yang memasuki kampung mereka, maka aktiviti jahat Batak itu telah terhenti. Mereka tidak lagi berani memasuki kawasan tersebut kerana Si Bongsu sentiasa menjaga kawasan tersebut.

Penutur: Balin Tah,  
Kampung Sungai Yol, Raub, Pahang